


MODENAS
Motosikal Dan Enjin Nasional

MOTOSIKAL DAN ENJIN NASIONAL SDN. BHD. 199501025408 (354613-V)
Kawasan Perindustrian Gurun,
08300 Gurun, Kedah Darul Aman, Malaysia.
T +604 466 8000 | F +604 466 8300

EMOS Edaran Modenas Sdn. Bhd. The Distribution Arm of MODENAS

—
WHATSAPP
TALIAN KHIDMAT PELANGGAN
+6019 - 570 8135

PUSAT PANGGILAN PELANGGAN
1 800 880 181



Abli Kumpulan

DRB-HICOM

 **MODENAS**

BUKU PANDUAN PENGGUNA

MEV-2

MEV-2 (WA0140-A1MY)



MAKLUMAT PENTING PENUNGGANGAN

Maklumat penting di dalam Buku Panduan Pengguna ini dapat dikelaskan dengan simbol-simbol seperti berikut;



Ini adalah simbol keselamatan berjaga-jaga. Ia memberitahu kemungkinan risiko berlakunya kemalangan. Patuhi semua mesej keselamatan yang mempunyai simbol ini untuk mengelakkan kecederaan atau kematian.

AMARAN

Simbol AMARAN menandakan risiko dimana, jika tidak dielakkan, boleh menyebabkan kecederaan serius atau kematian.

NOTA

Simbol NOTA menyediakan maklumat penting yang bertujuan memudahkan dan menyelaraskan operasi atau prosedur.

NOTA

Buku Panduan Pengguna ini mestilah dianggap sebagai sebahagian daripada skuter ini dan perlu sentiasa bersama-sama dengan skuter walaupun skuter ini akan dijual pada masa akan datang.

AMARAN

Baca Buku Panduan Pengguna ini dengan sepenuhnya dan teliti sebelum menunggang skuter ini.

MAKLUMAT PENTING PENUNGGANGAN

MEV-2 (WA0140-A1MY)
Buku Panduan Pengguna
© oleh Motosikal Dan Enjin Nasional Sdn Bhd
Cetakan Pertama, April 2025
Hak Cipta Terpelihara.
Tidak boleh diterbitkan semula atau disimpan
dalam cara yang boleh digunakan semula
tanpa izin terlebih dahulu dari
Motosikal Dan Enjin Nasional Sdn Bhd.
Dicetak di Malaysia.

99922-L080-00

(JILID 1- 04/2025)

PENDAHULUAN

Kami mengucapkan terima kasih kerana memilih skuter MODENAS yang unik ini. Skuter baru ini adalah hasil kecanggihan kejuruteraan terkini setelah melalui ujian terperinci dan usaha yang berterusan dari MODENAS demi menghasilkan skuter yang terbaik di dalam ketahanan, keselamatan dan kuasa.

Pengguna hendaklah membaca Buku Panduan Pengguna sebelum menunggang skuter ini. Pengguna perlu mengetahui secara lebih terperinci tentang operasi kawalannya, kemudahannya, kebolehannya serta had-hadnya. Buku panduan ini menyediakan panduan untuk menunggang skuter, tetapi ianya tidak merangkumi kesemua teknik dan kemahiran yang diperlukan untuk menunggang skuter dengan lebih selamat. MODENAS mengesyorkan kepada semua pengguna skuternya untuk melibatkan diri dalam program kursus penunggangan yang lebih selamat.

Untuk memberi ketahanan jangkamasa yang panjang ke atas skuter ini, pengguna harus melakukan penyelenggaraan secara berkala sepertimana yang dinyatakan di dalam buku panduan ini.

Semua maklumat di dalam Buku Panduan Pengguna ini adalah merujuk kepada maklumat dan spesifikasi semasa ianya dicetak. Oleh itu, ianya mungkin mengandungi sedikit perbezaan maklumat di antara skuter dan buku panduan. Sila rujuk kepada pusat servis atau pengedar sah MODENAS bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai Buku Panduan Pengguna.



MODENAS

© Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd. 2025

ISI KANDUNGAN

Maklumat Keselamatan			
Menunggang Dengan Selamat	5	Penerangan Mod	34
Pakaian Perlindungan	5	Bagaimana Menunggang Skuter	
Muatan	6	Pemeriksaan Sebelum Menunggang Skuter ..	36
Spesifikasi	7	Sebelum Menunggang	37
Peralatan Aksesori	9	Semasa/Selepas Menunggang	38
Lokasi Komponen	10	Penyelenggaraan Dan Pelarasan	
Nombor Siri Casis Dan Nombor Siri Motor ...	12	Pengecasan Bateri	39
Peralatan Dan Fungsi Kawalan		Pengecasan Luaran	40
SOP Pelanggan: Pengaktifan Kad SIM	13	Penyimpanan Dan Penyelenggaraan	41
Muat Turun Aplikasi VMOTO	14	Pembersihan Dan Penyelenggaraan Harian ..	42
Fungsi Utama Aplikasi VMOTO	15	Carta Penyelenggaraan Berkala	43
Manual Pengguna Pengecas Mudah Alih ...	18		
Arahan Pendawaian	18		
Empat Kaedah Sambungan	19		
Penunjuk Status Pengecasan	20		
Suis Utama/Kunci Hendal	21		
Kunci Tempat Duduk	22		
Alat Kawalan Jauh Pintar	23		
Menghidupkan Skuter	24		
Peralatan Meter	25		
Suis Hendal Kiri	28		
Suis Hendal Kanan	29		
Pemasangan Cermin Sisi	31		
Soket Pengecas <i>USB</i>	32		
Pemasangan Bateri	33		

MAKLUMAT KESELAMATAN

AMARAN

Menunggang skuter memerlukan pengetahuan yang terperinci bagi menjamin keselamatan pengguna. Pengguna haruslah membaca buku panduan ini sebelum mula menunggang.

Menunggang Dengan Selamat

1. Sentiasa melakukan pemeriksaan setiap kali sebelum memulakan perjalanan setiap kali sebelum mula perjalanan bagi mengelakkan kemalangan dan kerosakan peralatan skuter. Lihat m/s 36 untuk senarai pemeriksaan.
2. Kebanyakan kemalangan berlaku disebabkan oleh kegagalan pengguna lain bagi mengesan kewujudan skuter. Pastikan anda mudah di lihat untuk mengelakkan kemalangan. Oleh itu;
 - a. Memakai jaket yang berwarna terang.
 - b. Perlu lebih berhati-hati ketika menghampiri dan melalui simpang.
 - c. Menunggang di ruang yang dapat dilihat oleh pengguna kenderaan lain. Elakkan daripada menunggang di ruang yang terhalang daripada pandangan pengguna kenderaan lain.

3. Sentiasa mematuhi had laju dan jangan menunggang melebihi had laju yang dibenarkan.
4. Sentiasa beri isyarat belok sebelum membelok atau menukar laluan. Pastikan pengguna kenderaan lain boleh melihat anda.

Pakaian Perlindungan

1. Kebanyakan kematian yang berlaku dalam kemalangan skuter adalah disebabkan oleh kecederaan di bahagian kepala. Penggunaan topi keledar boleh mengelakkan jenis kecederaan tersebut. Pastikan anda memakai topi keledar yang mempunyai penandaan MS (SIRIM) atau E sebagai indikasi pematuhan standard keselamatan.
2. Penggunaan jaket, kasut tutup sepenuhnya, seluar panjang dan sarung tangan sepenuhnya adalah membantu untuk mengelakkan luka akibat geseran.
3. Jangan memakai pakaian yang longgar, ianya boleh tersangkut pada pemijak kaki atau tayar, seterusnya boleh mengakibatkan kemalangan.

MAKLUMAT KESELAMATAN

Muatan

1. Menambah muatan atau aksesori tambahan pada skuter boleh menjejaskan kestabilan dan kawalan sekiranya sistem pengagihan beban tidak seimbang.
2. Untuk mengelakkan kemungkinan berlakunya kemalangan, berhati-hati semasa menambah aksesori tambahan atau muatan, dan amalkan penunggangan yang cermat dan berhemah.
3. Jumlah beban aksesori tambahan dan muatan tidak boleh melebihi beban maksimum yang dibenarkan.
4. Penunggangan yang melebihi muatan boleh mengakibatkan berlakunya kemalangan.

Jumlah beban maksimum;
275 kg

AMARAN

Menunggang dengan muatan yang berlebihan boleh menyebabkan berlakunya kemalangan. Patuhi had muatan dan garis panduan yang ditetapkan di dalam Buku Panduan Pengguna ini.

SPEKIFIKASI

Dimensi

Panjang Keseluruhan	: 1940 mm
Lebar Keseluruhan	: 730 mm
Tinggi Keseluruhan	: 1080 mm
Jarak Roda	: 1360 mm
Berat Bersih	: 92 kg

Prestasi

Kuasa Motor	: 4.0 kW
Daya Kilas Maksimum	: 4.1 kW
Kelajuan Maksimum	: 80 km/h
Jarak Maksimum	: 107 km
Sudut Mendaki	: 14°

Motor

Sistem Penghidup	: Suis Elektrik
------------------	-----------------

Transmisi

Jenis Transmisi	: Pemanduan Terus (Direct Drive)
-----------------	----------------------------------

SPEKIFIKASI

Kerangka

Saiz Tayar Depan	: 90/80 -16, Tanpa Tiub
Saiz Tayar Belakang	: 90/90 -14, Tanpa Tiub
Suspensi Hadapan	: Sistem Redaman Hidraulik
Suspensi Belakang	: Sistem Redaman Hidraulik
Brek Hadapan	: Brek Cakera
Brek Belakang	: Brek Cakera (Sistem Brek Gabungan)

Komponen Elektrik

Bateri	: 74V 30Ah x 2 Unit
Lampu Hadapan	: LED
Lampu Brek/Belakang	: LED
Lampu Isyarat Belok	: LED

Spesifikasi tertakluk kepada perubahan tanpa dimaklumkan.

Buku Panduan Pengguna ini adalah merujuk kepada spesifikasi terkini. Sila rujuk kepada pusat servis atau pengedar sah MODENAS bagi mendapatkan maklumat terkini berkenaan Buku Panduan Pengguna.


PERALATAN AKSESORI



Alat kawalan jauh pintar



Cermin sisi kiri dan kanan



Manual Operasi



Kunci



Sepana cermin sisi



Pengecas bateri

LOKASI KOMPONEN



1. Suis Hendal Kiri
2. Port USB
3. Nombor Siri Casis
4. Tempat Duduk Penunggang Dan Penumpang
5. Kerangka Pemegang
6. Lampu Belakang
7. Nombor Siri Motor
8. Tempat Letak Kaki Pembonceng Kiri
9. Penyokong Sisi
10. Sistem Brek Gabungan
11. Pemantul Cahaya Kiri
12. Lampu Isyarat Membelok Kiri Hadapan

LOKASI KOMPONEN



13. Soket Pengecas Bateri
14. Unit Meter
15. Cermin Sisi
16. Suis Hendal Kanan
17. Lampu Isyarat Membelok Hadapan Kanan
18. Lampu Hadapan
19. Pemantul Cahaya Kanan
20. Penyokong Tengah
21. Tempat Letak Kaki Pembonceng Kanan
22. Pemantul Cahaya Belakang
23. Lampu Nombor Plat

LOKASI KOMPONEN

Nombor Siri Casis Dan Motor



1. Nombor siri casis dicetak pada bahagian paip utama.



2. Nombor siri motor dicetak pada bahagian kiri motor.

NOTA

Lihat m/s 10 untuk lokasi nombor siri casis dan nombor siri motor.

PERALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

SOP Pelanggan: Pengaktifan Kad SIM untuk Skuter EV

Untuk mengaktifkan sepenuhnya fungsi telematik, anda perlu mengaktifkan kad SIM Celcom yang telah dipasang siap di dalam skuter anda.

Maklumat Pelan SIM

- Penyedia Telco : Celcom Digi
- Nama Pelan/Pakej : Tablet SIM
- Pelan Data : 35GB sebulan (tanpa panggilan)
- Tempoh Kontrak : 24 bulan
- Yuran Langganan : RM10 (tidak termasuk SST 6%)
Bulanan
- Caj Sekali Sahaja : RM10 yuran pendaftaran + RM10 yuran setem (tidak termasuk SST)

Cara Mengaktifkan SIM

Langkah 1 – Sediakan maklumat berikut:

- Nama Penuh (seperti dalam MyKad/Pasport)
- Nombor MyKad/Pasport
- Emel (jika ada)
- ID SIM (diberikan bersama butiran skuter anda)

Langkah 2 – Hubungi Wakil Celcom

- Hubungi atau WhatsApp PIC Celcom: Hafiz (013-588 3900).
- Berikan maklumat seperti di Langkah 1 untuk mendaftarkan SIM anda.

Langkah 3 – Bayar Yuran Pengaktifan

- RM10 yuran pendaftaran (tidak termasuk SST 6%)
- RM10 yuran setem sekali sahaja
- Kaedah pembayaran: Tunai/JomPay/Perbankan Atas Talian (butiran pembayaran akan diberikan oleh wakil Celcom)

Langkah 4 – Sahkan Pengaktifan

- Celcom akan mengesahkan setelah SIM anda didaftarkan.
- Satu nombor mudah alih akan diberikan kepada SIM anda (untuk kegunaan sistem dalaman).

Langkah 5 – Sambungan Skuter

- Oleh kerana SIM telah dipasang siap dalam skuter anda, tiada tindakan lanjut diperlukan.
- Setelah diaktifkan, sistem telematik skuter anda akan disambungkan secara automatik.

PERALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

NOTA

- Langganan bulanan RM10 (tidak termasuk SST 6%) akan dikenakan sepanjang tempoh kontrak 24 bulan.
- Simpan ID SIM anda di tempat yang selamat untuk rujukan pada masa hadapan.
- Untuk sebarang isu berkaitan SIM, sila hubungi PIC Celcom: Hafiz (013-588 3900).
- Untuk sokongan skuter atau telematik, sila hubungi MODENAS Customer Careline.

CELCOM SIM Activation PIC:

Hafiz 013 588 3990

Hairi 019 400 9009



MODENAS CARELINE:

+1 800 880 181

+6019 570 8135



Muat Turun Aplikasi VMOTO

Model MEV-2 mempunyai sistem penentududukan GPS dan boleh disambungkan dengan telefon pintar anda melalui Aplikasi VMOTO untuk mengurus dan menyemak skuter anda.

Beberapa fungsi memerlukan penggunaan rangkaian tanpa wayar (*wireless network*) dan fungsi penentududukan (*GPS*).

VMOTO Apps adalah serasi dengan sistem operasi iOS dan Android. Sila pastikan spesifikasi sistem operasi telefon pintar sebelum pemasangan.

Download APP



iOS



Android

NOTA

- Sistem operasi iOS: APLIKASI hanya disokong oleh sistem operasi Apple iOS 9.0 dan keatas.
- Sistem operasi Android: APLIKASI hanya disokong oleh sistem operasi Android 4.4 dan keatas.

PERALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

Fungsi utama Aplikasi VMOTO Electric Vehicle


- 1 Diagnosis keadaan skuter:
Apabila skuter dihidupkan, pemeriksaan skuter melalui aplikasi dapat dijalankan untuk mengetahui keadaan semasa skuter.
- 2 Fungsi Anti-Kecurian:
Apabila skuter digerakkan tanpa kebenaran, sistem penggera akan diaktifkan dan sistem aplikasi akan memaklumkan pengguna dengan segera serta menjejak lokasi semasa skuter.
- 3 Perakam data:
Pengguna boleh mengetahui maklumat skuter, baki kuasa, jarak perjalanan, rekod tunggangan dan maklumat lain melalui aplikasi.

Panduan LOG IN:

1. Aplikasi Vmoto Soco.




2. Pengguna diminta memasukkan nombor telefon untuk **Log In**, dan klik **Next**.



PERALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

3. Pengguna diminta untuk memasukkan 4-digit kod verifikasi yang telah diterima melalui **SMS** atau **WhatsApp**.



4. Pengguna diminta klik pada ikon di dalam bulatan merah dan memasukkan nombor IMEI (ECU) skuter yang disediakan di dalam **MEV Identity Card**.



PERALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

5. Proses *Log In* telah berjaya.



PERALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

Manual Pengguna Pengecap Mudah Alih 72V80A (Fast Charger) MEV-2




1. Pengecap Mudah Alih 72V80A (Fast Charger)

Arahan Pendawaian



1. Kabel penyambung input pengecap


1. Cari kabel penyambung input pengecap.



1. Tiga wayar (L-N-PE) penyambung
2. Sambungkan tiga wayar (L-N-PE) penyambung kepada grid kuasa mengikut terminal yang dilabelkan.

PERALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

Empat Kaedah Sambungan:



- **Sambungan Kuasa Fasa Tunggal**
Pastikan wayar L dan N mempunyai kapasiti arus 6mm^2 32A.
- **Sambungan Kuasa Tiga Fasa A**
Pastikan wayar L1 dan N mempunyai kapasiti arus 6mm^2 32A.
- **Sambungan Kuasa Tiga Fasa B**
Pastikan wayar L2 dan N mempunyai kapasiti arus 6mm^2 32A.
- **Sambungan Kuasa Tiga Fasa C**
Pastikan wayar L3 dan N mempunyai kapasiti arus 6mm^2 32A.




1. Kabel penyambung input pengecas

3. Selepas melakukan sambungan, cucukkan hujung input pengecas ke dalam penyambung.

PERALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

Penunjuk Status Pengecasan



1. Lampu penunjuk pengecasan sedang menyala

Apabila pengecasan bermula:

- Kipas berputar.
- Lampu PWR menyala, lampu CHR berkelip dan lampu FULL padam.

NOTA

Fast Charger MEV-2 tidak disertakan bersama motosikal dan perlu dibeli secara berasingan.



1. Lampu penunjuk pengecasan penuh

Apabila pengecasan penuh:

- Kipas berhenti.
- Lampu PWR menyala, lampu CHR padam dan lampu FULL menyala.

PERALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

Suis Utama / Kunci Hendal / Kunci Tempat Duduk




1. Suis Utama / Kunci hendal :

Suis utama / kunci hendal berfungsi untuk mengawal sistem elektrik, kunci hendal dan membuka tempat duduk. Terdapat 3 posisi utama bagi kegunaan suis utama / kunci hendal :

ON : Semua litar elektrik berfungsi dan motor boleh dihidupkan. Kunci tak boleh dikeluarkan.
OFF : Semua litar elektrik dimatikan. Kunci boleh dikeluarkan.

LOCK : Hendal dikunci. Kunci boleh dikeluarkan.

OPEN : Pusingkan kunci ke arah kiri, tempat duduk boleh di buka.



2. Mengunci Hendal :

1. Pusingkan hendal di kedudukan paling kiri. Masukkan kunci dalam suis utama, tekan dan putar kunci ke kedudukan kiri, hendal dikunci.

2. Masukkan kunci ke dalam suis utama pusingkan kunci ke kedudukan kanan, hendal dibuka.

PERALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

Suis Utama / Kunci Henda / Kunci Tempat Duduk




3. Membuka kunci tempat duduk :

Pusingkan kunci ke arah kiri (lihat gambarajah), tempat duduk akan terbuka.

PERALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

Alat Kawalan Jauh Pintar

Skuter ini menggunakan alat kawalan jauh pintar generasi kedua dalam radius 50 meter.



1. "LOCK BUTTON"

Apabila skuter dalam keadaan tidak beroperasi, tekan "LOCK", sistem "POWER SWITCH" dikunci.

2. "UNLOCK BUTTON"

Apabila skuter dalam keadaan kunci, tekan "UNLOCK", MEV-2 dibuka kunci.

Tekan "UNLOCK" selama 3 saat melalui alat kawalan jauh pintar, tempat duduk terbuka.

3. "KEY LESS START"

Tekan butang 'POWER' pada alat kawalan jauh. Lampu One-start button akan berkelip sebagai tanda bersedia.

Tekan One-start button (A) untuk menghidupkan kuasa MEV-2. Tekan semula One-start button (A) untuk mematikan kuasa MEV-2.


Jika tiada sebarang tindakan dalam tempoh 30 saat selepas butang 'POWER' ditekan, kuasa MEV-2 akan dimatikan secara automatik.




One-start button

PERALATAN DAN FUNGSI KAWALAN


Menghidupkan Skuter




- 1 Tekan “UNLOCK” pada alat kawalan jauh [1]. Pastikan kedudukan hendal dalam keadaan tidak berkunci.




- 2 Memakai topi keledar.





- 3 Naikkan penyokong sisi atau penyokong tengah.



- 4 A) Pusingkan kunci pada kedudukan “ON”, kuasa skuter dihidupkan.
ATAU
B) Tekan “POWER” pada alat kawalan jauh, tekan “One-start button” dan kuasa skuter dihidupkan.




- 5 Tekan butang  [1] untuk memadamkan lampu “P” dan lampu “READY” menyala di meter. Tarik brek sekali [2].



- 6 Buka pendikit [1] dan skuter bergerak.

PERALATAN DAN FUNGSI KAWALAN


Peralatan Meter



- 1** Lampu Simbol Pengecasan (Akan menyala apabila pengecasan sedang berlaku).
- 2** Lampu Penunjuk Isyarat Kiri.
- 3** Penunjuk Pengecasan Berkelip : Apabila bateri kurang daripada atau sama dengan 10%
Paparannya Status Pengecasan : Penunjuk status pengecasan / status bateri lemah
- 4** Lampu Penunjuk Sinar Tinggi.
- 5** Speedometer : Paparan kelajuan semasa (km/h). Apabila lampu kerosakan menyala, kod kerosakan akan dipaparkan.
- 6** Bar paparan bateri menunjukkan tahap bateri semasa.
- 7** Paparan Peratusan Bateri.
- 8** Lampu "READY" : Skuter boleh beroperasi / Boleh bergerak.

PERALATAN DAN FUNGSI KAWALAN


Peralatan Meter



- 9 Ralat Kod OBD (ON_BOARD DIAGNOSTIC)
- 10 Lampu Penunjuk Isyarat Kanan
- 11 Paparan Odometer : Kilometer / Batu
- 12 Paparan Trip : Jarak Perjalanan Semasa Paparan Range : Baki Jarak

PERALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

Peralatan Meter



13 Paparan Mod :

Mod 1 (ECO)

Mod 2 (Normal)

Mod 3 (Sport)

Paparan Mod F : *Bergerak ke hadapan.*


Paparan Mod R : *Berundur ke belakang.*

14 Petunjuk Simbol Keadaan Sambungan Data.

15 Ralat.

PERALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

Suis Hendal Kiri



1 Suis laras sinar tinggi / rendah :

Tarik sekali, lampu sinar tinggi dihidupkan. Tarik lagi sekali, lampu sinar rendah dihidupkan.

2 Suis isyarat lampu Hazard :

Untuk isyarat sekiranya kenderaan mengalami kerosakkan / berhenti secara mengejut / ada halangan / kemalangan yang berada di jalan raya.

3 Suis hon :


Tekan suis untuk bunyikan hon.

4 Suis isyarat belok :

Untuk isyarat belok ke kanan, tolak suis isyarat belok ke kanan. Untuk isyarat belok ke kiri, tolak suis belok ke kiri.

PERALATAN DAN FUNGSI KAWALAN



Suis Hendal Kanan



1 Ditetapkan dengan 3 suis Mod :


Mod ECO
Mod NORMAL
Mod SPORT
Tekan (-) atau (+) untuk
mengubah kedudukan mode.

2 Suis "Parking" Skuter ( ) :

Tekan suis  dan lampu penunjuk
"P" (PARKING) akan menyala, sistem
pemacu skuter dimatikan.
Tekan suis  dan lampu penunjuk
"READY" menyala, sistem pemacu
skuter dihidupkan.

PERALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

Suis Hendal Kanan




③ Suis undur ke belakang :

Tekan suis “R” - mod paparan di meter akan memaparkan “R”. Tanpa melepaskan suis “R”, kenderaan memasuki keadaan bersedia untuk mengundur. Tarik brek sekali dan buka pendikit, skuter bergerak ke belakang.


PERALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

Pemasangan cermin sisi kiri dan cermin sisi kanan



PERALATAN DAN FUNGSI KAWALAN

Soket Pengeras USB



Skuter ini dilengkapi dengan soket pengecas USB (jenis A dan jenis C) yang terletak pada panel kiri dibawah hendal (dalam bulatan seperti di gambarajah). Ia berfungsi untuk mengecas telefon bimbit dengan kapasiti yang telah ditetapkan.

Voltan keluaran : 12V 5A.

⚠ AMARAN

Untuk mengecas bateri telefon bimbit sahaja. Sekiranya digunakan untuk peralatan elektronik yang lain boleh menyebabkan kerosakan pada sistem elektrik.

Cara-cara menggunakan pengecas USB :

- Untuk menggunakan pengecas USB, suis "ON" skuter menggunakan suis utama atau alat kawalan jauh pintar.
- Buka penutup soket pengecas USB.
- Pasangkan penyambung cas ke soket pengecas USB.

PEMASANGAN BATERI



❶ Buka tempat duduk.



❷ Masukkan baterai ke dalam ruangan baterai dan "Lock".




❸ Sambungkan soket baterai dan "Lock".



❹ Tutup semula tempat duduk.

PENERANGAN MOD





A) MENGHIDUPKAN SUIS MOD PELARASAN : Tarik dan lepas suis lampu penunjuk sinar tinggi [A] selama 4 kali dalam masa berterusan dalam tempoh 4 saat. Pada masa ini, mod paparan semasa odo / trip / range berkelip menunjukkan bahawa skuter telah memasuki mod pelarasan.



B) MENGUBAH KEDUDUKAN SUIS MOD PAPARAN DARI odo KE trip KE range :
Cara mengubah mod paparan ialah dengan tarik dan lepas suis lampu sinaran tinggi untuk mengubah mod paparan dari odo / trip / range. Pengubahan pelarasan mod ini boleh digunakan berulang kali semasa pelarasan mod diselaraskan.

C) MENETAPKAN SEMULA (RESET) jarak perjalanan semasa (km) KE 0 km :
Sebelum skuter memulakan perjalanan, ubah mod paparan ke jarak perjalanan semasa (trip). Tarik dan lepas suis lampu sinaran tinggi 6 kali dalam masa berterusan dalam tempoh 4 saat. Pada masa ini jarak perjalanan semasa (trip) telah kembali ke 0 km semula.

PENERANGAN MOD




D) MENUKAR MOD PAPARAN UNIT DARI km (km/h) KE miles (mph) :

Cara mengubah paparan unit km (km/h) ke miles (mph) ialah dengan menarik dan melepaskan suis lampu penunjuk sinar tinggi [A] selama 4 kali dalam masa berterusan dalam tempoh 4 saat dan pada masa ini mod paparan semasa range / trip / rpm berkelip. Tekan butang  atau  [B] untuk mengubah mod paparan unit dari km (km/h) ke miles (mph).

BAGAIMANA MENUNGGANG SKUTER

Pemeriksaan sebelum menunggang skuter :



1. Pastikan hendal stabil dan fleksibel untuk membelok.
2. Pastikan suis kanan dan suis kiri pada hendal boleh berfungsi dengan keadaan baik.
3. Pastikan pendikit boleh berfungsi dengan baik.
4. Pastikan tekanan tayar adalah betul. Tekanan tayar yang disyorkan ialah 200kpa untuk roda hadapan, 225kpa untuk roda belakang.
5. Memeriksa keadaan permukaan tayar : pastikan tiada keretakan dan kerosakan pada tayar.
6. Memeriksa keadaan kedalaman bunga tayar (lihat gambarajah A), tayar perlu diganti apabila didapati haus.
7. Memeriksa keadaan lampu amaran ralat di dalam meter berfungsi dengan baik.
8. Memeriksa keadaan kapasiti bateri mencukupi untuk perjalanan.
9. Memeriksa semua fungsi lampu berada dalam keadaan masih berfungsi.
10. Memastikan hon berfungsi dengan baik.
11. Melaraskannya cermin sisi kiri dan kanan.
12. Memeriksa minyak brek, keadaan tuil brek dan memastikan sistem brek berfungsi dengan baik.



Sebarang pengecualian atau keraguan operasi, sila hubungi Pusat Servis.

BAGAIMANA MENUNGGANG SKUTER

Sebelum menunggang :

1. Sebelum menunggang, pastikan penyokong sisi atau penyokong tengah diangkat ke atas dan hendal tidak berkunci.
2. JANGAN tekan suis  ("Parking") semasa menunggang kerana lampu "P" menyala dan lampu "READY" terpadam. Disebabkan kedudukan suis pada , kuasa motor akan mati. Skuter terus bergerak tanpa kawalan dari "controller" dan boleh menyebabkan bahaya kepada penunggang.
3. JANGAN letakkan penyokong sisi pada kedudukan ke bawah. Disebabkan penyokong sisi pada kedudukan ke bawah, lampu "READY" terpadam.

BAGAIMANA MENUNGGANG SKUTER



Semasa / Selepas menunggang :

1. Sila tarik tuil brek kiri atau kanan sekali untuk skuter boleh bergerak. Apabila skuter bergerak, haruslah berhati-hati kerana arus elektrik pada permulaan yang berlebihan akan menyebabkan pecutan pantas serta-merta dan meningkatkan penggunaan tenaga. Sebaliknya mulakan pergerakan perlahan.
2. Berat maksimum muatan ialah 275kg.
3. Sila matikan kuasa skuter setelah sampai di destinasi dan keluarkan kunci.

PENYELENGGARAAN DAN PELARASAN

Pengecas Bateri

1. Sambungkan pengecas ke port pengecasan.
2. Sambungkan pengecas dengan bekalan kuasa.
Semasa pengecasan biasa : lampu merah terus menyala.
3. Apabila dicas penuh : lampu hijau terus menyala.



Paparan Pengecasan Bateri

- Mengecas : Lampu merah menyala.
Pengecasan Penuh : Lampu hijau menyala
Ralat : Lampu merah dan hijau
berkelip-kelip berselang-seli.

Pengecasan Luaran

1. Buka tempat duduk.
2. Tanggalkan soket bateri, keluarkan bateri dari skuter.
3. Sambungkan pengecas dengan bateri untuk proses pengecasan.

NOTA

- Jauhkan bateri daripada air.
 - Suhu pengecasan : $0^{\circ}\text{C} \sim 40^{\circ}\text{C}$, suhu nyahcas : $-15^{\circ}\text{C} \sim -45^{\circ}\text{C}$.
 - Jika tidak menggunakan skuter untuk masa yang lama, keluarkan bateri dari skuter.
 - Dilarang membuang bateri ke dalam api.
 - Dilarang menggunakan mana-mana pengecas lain untuk mengecas bateri selain dari pengecas rasmi.
 - Bateri ini sudah lulus pemeriksaan kualiti dan dilarang membuka sel bateri.
-

Penyimpanan dan Penyelenggaraan

- Sekiranya bateri sudah lama tidak digunakan, sila cas sehingga 50%.
- Putuskan sambungan bateri daripada skuter semasa menyimpannya.
- Simpan di tempat berventilasi yang kering, sekurang-kurangnya cas 2 jam setiap 3 bulan.
- Bateri dan pengecas perlu disimpan di tempat berventilasi yang bersih dan kering, elakkan bersambung dengan bahan yang menghakis, jauhkan dari tempat mudah terbakar.
- Keadaan penyimpanan bateri, suhu : $0^{\circ}\text{C} \sim 25^{\circ}\text{C}$, kelembapan $\leq 65\% \text{ RH}$.
- Apabila menggunakan bateri tunggal, untuk mengelakkan kejutan elektrik sila tutup palam bateri dengan penutup getah.

PENYELENGGARAAN DAN PELARASAN

Penyelenggaraan tetap boleh meningkatkan hayat perkhidmatan dan keselamatan pemanduan skuter. Sila rujuk senarai berikut dan menjaga skuter anda :

Pembersihan Dan Penyelenggaraan Harian

- a. Skuter baharu mesti melakukan pemeriksaan dan penyelenggaraan pertama di pusat servis apabila ia mencecah 1,000 km. Skuter disyorkan untuk melakukan pemeriksaan dan penyelenggaraan secara berkala di pusat servis apabila ia mencecah setiap 3,000 km. Semua servis dan penyelenggaraan mesti dikendalikan oleh pusat servis dengan menggunakan alat ganti tulen Modenas.
- b. Pembersihan : Sila gunakan air bersih dan bahan pencuci untuk membersihkannya. Gunakan kain lembut dan span untuk membersihkan permukaan. Dilarang menggunakan berus logam, kertas pasir atau sebagainya untuk membersihkannya agar tidak mencalarkan permukaan bahagian skuter. Selepas dibersihkan, keringkan dengan kain lembut.

NOTA

- Sila matikan suis utama sebelum membersihkan skuter.
- Jangan gunakan air tekanan tinggi untuk mencuci skuter secara langsung untuk mengelakkan kerosakkan yang disebabkan oleh percikkan dari air bertekanan tinggi.

PENYELENGGARAAN DAN PELARASAN

Panduan penyelenggaraan dan pelarasan di dalam bab ini adalah mudah diikuti dan mesti dibuat berpandukan Carta Penyelenggaraan Berkala untuk memastikan skuter anda sentiasa dalam keadaan baik. Penyelenggaraan awal amatlah penting dan tidak boleh diabaikan.

Sekiranya anda kurang jelas dengan cara membuat pelarasan skuter, sila rujuk ke pusat servis atau pender sah MODENAS.

Sila ambil perhatian bahawa MODENAS tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan yang berlaku disebabkan cara penyelenggaraan dan pelarasan yang salah dilakukan oleh pemilik.

Carta Penyelenggaraan Berkala

Carta Penyelenggaraan Berkala berikut menghuraikan segala langkah-langkah penjagaan untuk memastikan skuter anda sentiasa berada dalam keadaan baik. Kerja-kerja penyelenggaraan perlu dilakukan mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh MODENAS. Anda dinasihatkan melakukan pemeriksaan sebelum perjalanan (lihat m/s 36) pada setiap tempoh penyelenggaraan dan pelarasan dijadualkan.

- A : Laraskan
- C : Bersihkan
- I : Periksa dan bersihkan, laraskan, lincirkan atau gantikan jika perlu.
- R : Gantikan

PENYELENGGARAAN DAN PELARASAN

Carta Penyelenggaraan Berkala

JENIS SERVIS	1000 km 3 bulan	3000 km 6 bulan	6000 km 12 bulan	9000 km 18 bulan	12000 km 24 bulan	15000 km 30 bulan	18000 km 36 bulan	PERKARA
Bendalir Brek		I			R			Bendalir Brek Yang Disyorkan : DOT3 atau DOT 4
Kehausan Tayar	I	I	R	I	R	I	R	
Kehausan Pad Brek Depan Dan Belakang		I	I	I	R	I	I	
Kehausan Brek Cakera Depan Dan Belakang	I		I		I		I	
Nat Pengikat Roda Depan dan Bolt Pengikat Roda Belakang	I		I		I		I	
Nat Pengikat Pangsi Lengan Buai (Swingarm)	I		I		I		I	
Nat Pengikat Motor	I		I		I		I	
Nat Pengikat Penyerap Hentak Belakang	I		I		I		I	

I : Periksa dan bersihkan, laraskan, lincirkan atau gantikan jika perlu

R : Gantikan

PENYELENGGARAAN DAN PELARASAN

Carta Penyelenggaraan Berkala

JENIS SERVIS	1000 km 3 bulan	3000 km 6 bulan	6000 km 12 bulan	9000 km 18 bulan	12000 km 24 bulan	15000 km 30 bulan	18000 km 36 bulan	PERKARA
Bolt Pengikat Penyerap Hentak Depan	I		I		I		I	
Nat Bearing Hendal	I			I			I	
Bolt Pengikat Pendakap Caliper Depan	I		I		I		I	
Bolt Pengikat Pendakap Caliper Belakang	I		I		I		I	
Bateri	I		I		I		I, R	Keadaan Bateri, Keadaan Pengecasan
Sistem Elektrikal	I	I	I	I	I	I	I	Keadaan Terminal
Semua Pengikat Diketatkan	I		I		I		I	

I : Periksa dan bersihkan, laraskan, lincirkan atau gantikan jika perlu

R : Gantikan

Periksa bacaan baki bateri litium secara manual dengan menggunakan pengukuran BMS (Battery Management System).